

11 MAY 2001

Agong-Globalisasi (Bergambar)

NEGARA MEMBANGUN PERLU PERKUKUH KERJASAMA HADAPI GLOBALISASI

KUALA LUMPUR, 11 Mei (Bernama) -- Negara-negara membangun perlu bekerjasama untuk memperkukuhkan lagi perundingan serta kerjasama di kalangan mereka bagi menghadapi cabaran globalisasi.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bertitah negara-negara membangun tidak berhasrat mencari perbalahan dengan negara maju, tetapi dalam masa yang sama tidak mahu melihat polarisasi yang lebih besar berlaku antara negara utara dan selatan.

"Niat kita hanyalah untuk memastikan bahawa negara-negara membangun dibawa berunding dalam isu-isu penting global yang melibatkan kepentingan semua," titah baginda ketika meraikan Presiden Cuba, Fidel Castro serta rombongan dalam Majlis Jamuan Makan Negara di Istana Negara malam ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut hadir.

Baginda bertitah Globalisasi membawa bahaya seperti yang berlaku apabila peniaga matawang menyerang ekonomi negara-negara membangun disamping memberikan kuasa yang tak terbatas kepada sebilangan kecil negara untuk mengawal dan mempengaruhi nasib negara-negara lain.

"Kita telah menyaksikan bagaimana institusi-institusi kewangan antarabangsa boleh dimanipulasi untuk tujuan politik dan menyebabkan keruntuhan kerajaan," titah baginda.

Sultan Salahuddin juga gembira hubungan antara Malaysia dan Cuba yang terjalin sejak 26 tahun lalu bertambah kukuh.

Baginda berkata beberapa pertukaran lawatan peringkat tinggi telah dilakukan antara kedua-dua negara, selain pembukaan kedutaan Cuba di Kuala Lumpur pada 1997 dan kedutaan Malaysia di Havana pada Mac lalu.

"Pada masa ini Malaysia dan Cuba sedang membincangkan beberapa inisiatif baru dalam usaha mempererat lagi hubungan ekonomi," titah baginda sambil menjelaskan inisiatif akan berdasarkan kekuatan yang dimiliki negara masing-masing.

Baginda berkata sebagai contoh, Cuba sangat masyhur dalam bidang bioteknologi serta perubatan, dan bertitah Malaysia perlu belajar dari Cuba dalam bidang ini.

"Dari sudut pandangan Malaysia pula, Malaysia ingin melihat kerjasama yang lebih erat dalam bidang pelajaran dan teknologi maklumat," titah baginda.

Seri Paduka Baginda juga berharap lawatan Presiden Cuba ke Malaysia akan dapat mendorong pedagang Malaysia untuk melihat Cuba sebagai pasaran dan pusat pelaburan di Caribbean.

Terdahulu, Sultan Salahuddin serta Raja Permaisuri Agong berkenan menerima menghadap Presiden Cuba itu di Istana Negara dan bertukar-tukar cenderamata sebelum menghadiri Majlis Jamuan Makan Negara.

Castro sedang dalam rangka lawatan selama tiga hari ke Malaysia bermula hari ini atas jemputan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

-- BERNAMA

AT ZAI ZB